

Pemimpin tekad sokong Pak Lah

UM - 2 NOV 2003
PULAU PINANG 1 Nov. — Rata-rata pemimpin masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini menyatakan tekad menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan harapan agar beliau dapat menerajui negara ke peringkat lebih tinggi di persada antarabangsa.

Mereka yang ditemui pada Majlis Sambutan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Lama Bayan Lepas petang ini berharap Abdullah mampu memperkukuhkan agenda perpaduan antara semua kaum iaitu elemen terpenting dalam memastikan kejayaan hidup rakyat Malaysia.

Ketua UMNO Bahagian Bagan, **Datuk Abdul Latiff Mirasa** berkata, beliau mampu menyatupadukan semua kaum khususnya di kalangan orang Melayu dan kaum-kaum lain di seluruh Malaysia.

Ketua Wanita Gerakan, **Datuk Rhina Bhar** amat bangga dengan pelantikan anak Pulau Pinang dan yakin Abdullah akan melaksanakan agenda perpaduan dalaman orang Melayu sebagai teras perpaduan negara.

Ketua UMNO Bahagian Jelutong, **Mohd. Noor Hussein** berkata, Abdullah mengarahkan agar pihaknya meningkatkan usaha menerusi kerjasama dengan parti-parti komponen lain demi mengukuhkan pemerintahan.

Pengerusi Perhubungan MCA negeri, **Wong Kam Hoong** berkata, kombinasi kepimpinan Abdullah dan Dr. Mahathir dilihat sebagai amat bijak kerana berjaya melaksanakan peralihan kuasa secara lancar dan tenang.

Pengerusi Perhubungan Parti Progresif Penduduk (PPP) negeri, **Datuk Dr. Loga Bala Mohan** berkata, Abdullah pastinya mampu meneruskan dasar Barisan Nasional dan menjadi Perdana Menteri yang lebih baik.

Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), **Datuk Yussof Latiff** memberitahu, beliau telah membawa bersamanya 200 orang anak yatim dari sekitar negeri ini untuk turut meraikan detik istimewa dalam perjuangan seorang anak jati negeri ini.